



جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (31)
Takwim : 3 Sya'ban 1424H
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 4 Tahun 2003

Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes

-

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan menjadikan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebagai pusat rujukan bagi kes-kes yang bertindih di antara negeri-negeri dengan mewujudkan Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes. Oleh yang demikian sekiranya berlaku pertindihan kes di antara sesebuah negeri, kes-kes tersebut hendaklah dihantar ke Jawatankuasa Naziran Pertindihan Kes di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terlebih dahulu untuk mendapatkan ulasan dan apa-apa arahan sebelum diberikan penghakiman

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2003